

Terma dan Syarat Kempen Pelancongan Allianz Get-A-Ride

Kempen Pelancongan Allianz Get-A-Ride ("Kempen") dianjurkan oleh Allianz General Insurance (Company) Malaysia Berhad ("AGIC") dan akan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini akan berlangsung dari 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022 atau pada tarikh jumlah keseluruhan yang dibayar di bawah **Kempen** ini mencecah RM200,000, mana-mana yang berlaku terdahulu ("**Tempoh Kempen**"). Walau apa pun yang disebutkan di atas, **AGIC** berhak untuk meminda **Tempoh Kempen** tanpa notis terlebih dahulu.

2. Kelayakan

Untuk melayakkan diri menyertai **Kempen** ini ("**Peserta Yang Layak**"), kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- (a) **Peserta Yang Layak** mestilah individu yang diinsuranskan ("**Orang Yang Diinsuranskan**") di bawah polisi Allianz Travel Care ("**ATC**") atau Allianz Travel Easy ("**ATE**") yang aktif yang dikeluarkan bagi seseorang individu ("**Polisi**");
- (b) **Peserta Yang Layak** mestilah dilindungi di bawah pelan dewasa tahunan di bawah **Polisi**; dan
- (c) **Polisi** ini mestilah dibeli atau diperbaharui semasa **Tempoh Kempen**.

Orang Yang Diinsuranskan yang memenuhi kriteria diatas dianggap sebagai **Peserta Yang Layak** dan akan didaftarkan secara automatik dalam **Kempen** ini, tertakluk kepada terma dan syarat **Kempen**.

3. Terma dan Syarat Kempen

- (a) **Kempen** ini tidak terpakai untuk polisi di mana pemegang polisi adalah entiti/kumpulan korporat (contohnya syarikat, persatuan, pertubuhan dll).
- (b) **Peserta Yang Layak** akan layak untuk menerima satu (1) Baucar GrabCar ("**Baucar**") seperti yang berikut:

Allianz Travel Care / Allianz Travel Easy (Pelan Dewasa Tahunan)	Baucar GrabCar (untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan)
Domestik	RM 25
Luar Negara (Asia)	RM 50
Luar Negara (Seluruh Dunia) atau Domestik & Asia	RM 65
Domestik & Seluruh Dunia	RM 80

- (c) **Peserta Yang Layak** berhak untuk mendapat satu (1) **Baucar** sahaja di bawah **Kempen** ini tanpa mengira bilangan **Polisi ATC** atau **ATE** di mana mereka dilindungi semasa **Tempoh Kempen**.
- (d) Setiap **Orang Yang Diinsuranskan** mestilah memberikan nombor Kad Pengenalan/Pasport yang sah.
- (e) **Orang Yang Diinsuranskan** yang merupakan pemegang polisi dalam rekod AGIC mestilah memberikan nombor telefon dan alamat emelnya yang sah semasa membeli atau memperbaharui **Polisi ATC** atau **ATE**, jika tidak, **Peserta Yang Layak** yang dilindungi di bawah **Polisi** tersebut tidak layak untuk mendapat **Baucar** ini.
- (f) Kelayakan **Peserta Yang Layak** untuk mendapatkan **Baucar** akan berdasarkan pelan yang dibeli atau yang diperbaharui oleh **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi ATC** atau **ATE**.

4. Pengagihan Baucar

- a) Pemegang Polisi akan menerima kod **Baucar** untuk **Peserta Yang Layak** dari AGIC.Campaign@allianz.com.my melalui alamat emelnya yang didaftarkan dengan AGIC dalam tempoh tujuh (7) hari waktu berkerja dari tarikh **Polisi** dikeluarkan
- b) **Baucar** ini mesti digunakan semasa tempoh sah **Baucar** masing-masing. **AGIC** tidak akan mengeluarkan sebarang penggantian sekiranya **Baucar** tidak digunakan dalam tempoh sahnya.
- c) **Baucar** di bawah **Kempen** ini diagihkan berdasarkan konsep pelanggan awal akan didahulukan dan agihan ini akan dihentikan pada 31 Disember 2022 atau pada tarikh jumlah keseluruhan dibayar di bawah **Kempen** ini mencecah RM200,000, mana-mana yang berlaku terdahulu.

5. Syarat-syarat yang lain

- a) Dengan menyertai **Kempen** ini, **Peserta Yang Layak** bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan semua keputusan yang dibuat oleh **AGIC** adalah muktamad.
- b) **AGIC** mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung **Kempen** ini atau mengubah terma dan syarat **Kempen** tanpa sebarang

notis atau sebab terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, **Peserta Yang Layak** dengan ini bersetuju bahawa mereka tidak berhak untuk mendapatkan sebarang pampasan atas mana-mana kerugian yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penggantungan atau variasi oleh **AGIC**.

- c) **AGIC** tidak akan bertanggungjawab untuk terma penggunaan yang khusus bagi **Baucar** atau faedah dan perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana pembekal pihak ketiga di bawah **Kempen** ini.
- d) **AGIC** tidak akan bertanggungjawab bagi kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung yang dialami oleh Peserta Yang Layak, yang timbul akibat atau berkaitan dengan **Kempen** ini.
- e) Pemprosesan apa-apa data peribadi yang diberikan di bawah **Kempen** ini akan tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- f) Bagi sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan **Kempen** ini, sila hubungi Allianz melalui Live Chat allianz.com.my, atau e-mel di customer.service@allianz.com.my atau di 1300 22 5542, Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam .
- g) Terma dan syarat yang terkandung di sini akan ditadbir dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.